

# Pegawai tertinggi tamat kontrak, bersara

**P**UTRAJAYA: Beberapa pegawai tertinggi kerajaan dijangka menamatkan kontrak dan bersara tahun ini, manakala sesetengahnya kemungkinan besar diminta terus berkhidmat kerana perkhidmatan cemerlang.

Mengetuai senarai yang menamatkan kontrak perkhidmatan ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, 59; Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Mohd Bakri Omar, 58; Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Seri Zulkipli Mat Noor, 56 dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Ambrin Buang, 57.

Samsuddin, memiliki ijazah sarjana dalam Perkhidmatan Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat akan menamatkan kontrak setahun 2 Mac ini selepas kali pertama kontrak diperbaharui Mac tahun lalu. Bagaimanapun, belum dipastikan sama ada khidmatnya disambung setahun lagi.


Beliau memegang jawatan Ketua



**Samsuddin Osman**

Setiausaha Negara sejak 1 Februari 2001, sebelum ini adalah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Samsuddin juga Presiden Perbadanan Putrajaya menggantikan Tan Sri Azizan Zainul Abidin yang meninggal dunia, Julai 2004.


Jika perkhidmatan Samsuddin tidak disambung, bermakna akan ber-



**Mohd Bakri Omar**

laku perubahan besar dalam perkhidmatan awam yang bakal menyaksikan kenaikan pangkat hampir setiap lapisan pegawai tertinggi kerajaan seperti kelaziman apabila kekosongan membabitkan jawatan nombor satu perkhidmatan awam.

Khidmat Mohd Bakri pula akan berakhir apabila kontrak selama dua tahunnya tamat 12 September ini.



**Zulkipli Mat Noor**

Beliau mula dilantik pada 4 November 2003, menggantikan Tan Sri Norian Mai, yang bersara sebelum dilantik secara kontrak mulai 12 September 2004.

Zulkipli pula akan tamat tempoh kontraknya di BPR pada 19 Julai ini. Perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pengarah BPR secara pinjaman sudah disambung tiga kali sebelum ini,



**Ambrin Buang**

masing-masing untuk tempoh setahun mulai 1 April 2003 hingga 31 Mac 2004; 1 April 2004 hingga 31 Mac 2005 dan secara kontrak selama setahun mulai 19 Julai 2005.

Turut tamat kontrak setahun Mac ini ialah Ambrin selepas bersara wajib. Beliau mula dilantik ke jawatan sekarang di Kementerian Pelajaran pada 1 Oktober 2001.